**Bahagian A**
[ 15 markah]

*Jawab semua soalan*

1. Antara berikut yang manakah berikut merupakan ciri-ciri sebuah negara?
I Mempunyai institusi pentadbiran yang berkesan
II Mempunyai penduduk yang berbilang bangsa
III Mempunyai pemerintahan secara demokrasi
IV Mempunyai sempadan yang jelas
A I dan III
B I dan IV
C II dan III
D II dan IV

2.

- Kriss Dayanti seorang wanita Indonesia yang berkahwin dengan warganegara Malaysia

Apakah syarat yang mesti dipatuhi oleh Kriss Dayanti mendapatkan kewarganegaraan Malaysia?
A Mempunyai pekerjaan tetap di negara ini.
B Memahami budaya hidup masyarakat negara ini.
C Telah tinggal di negara ini tidak kurang 12 bulan.
D Perkahwinannya masih kekal ketika permohonan

3 Padanan manakah yang benar?

| | *Senarai Persekutuan* | *Senarai Bersama* | *Senarai Negeri* |
|---|---|---|---|
| **A** | Ubat dan Kesihatan | Kebajikan masyarakat | Muzium dan monumen |
| **B** | Ternakan binatang | Kutu rayau | Pertanian dan hutan |
| **C** | Penapisan | Biasiswa | Pelancongan |
| **D** | Perkhidmatan bomba | Pekerjaan profesional | Undang-undang adat |

4. Megikut perkara 75 Perlembagaan Persekutuan, sesuatu undang-undang boleh terbatal jika

A hanya dipersetujui oleh Ahli Dewan Rakyat
B bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan.
C tidak mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong
D tidak dipersetujui oleh majoriti Ahli Dewan Rakyat.

5

- Mengadili semua kes jenayah kecuali yang melibatkan hukuman mati
- Mengeluarkan saman, waran dan perintah mahkamah
- Mengadili tuntutan kes sivil tidak melebihi RM250 000.00

Penyataan di atas merujuk bidang kuasa

A. Mahkamah Tinggi
B. Mahkamah Sesyen
C. Mahkamah Majistret
D. Mahkamah Persekutuan

6. Yang manakah benar tentang kuasa perundangan Dewan Undangan Negeri ?

I menggubal undang-undang bagi perkara yang tidak disebutkan dalam mana-mana Senarai
II Berkuasa untuk meminda undang-undang Persekutuan yang bercanggah dengan undang-undang negeri
III menggubal undang-undang bagi perkara yang disebutkan dalam Senarai Negeri dan Senarai Bersama
IV Berkuasa menolak sebarang rang undang-undang atau pindaan undang-undang berkenaan perkara-perkara yang disebut dalam Senarai Negeri dan Senarai Persekutuan

A. I dan II
B. I dan III
C. II dan III
D. III dan IV

7.

**Keputusan Pilihan Raya bagi Kawasan Parlimen A.**

| | |
|---|---|
| Jumlah pengundi berdaftar | 24550 orang |
| Peratusan mengundi | 84.99% |
| Jumlah kertas undi rosak | 185 |
| Jumlah undi calon B daripada parti X | 9472 |
| Jumlah undi calon C daripada parti Y | 8523 |
| Jumlah undi calon D daripada calon bebas | 2685 |

Penyataan manakah yang benar?

I Calon D hilang wang pertaruhan
II Jumlah kertas undi yang sah adalah sebanyak 20680
III Calon C berhak mempertikaikan kemenangan calon B di Mahkamah Tinggi
IV Calon D boleh menggunakan sebarang simbol sebagai pengenalan dalam kempennya

A. I dan II
B. I dan IV
C. II dan III
D. III dan IV

8. Apakah yang menyebabkan seorang Ahli Parlimen boleh terlucut keahliannya?
A. Dituduh melakukan pembunuhan
B. Telah melanggar peraturan dewan
C. Gagal mengangkat sumpah jawatan
D. Tidak mengisytiharkan perbelanjaan pilihan raya.

9 Jemaah Menteri bertanggungjawab secara bersama kepada

A. Parlimen
B. Dewan Rakyat
C. Dewan Negara
D. Yang di-Pertuan Agong

10 Pejabat Setiausaha Persekutuan di Sabah dan Sarawak diwujudkan untuk

I membantu kerajaan negeri merancang dasar
II menguruskan perkhidmatan pegawai awam negeri
III menyelaras kegiatan jabatan dan agensi Persekutuan
IV mengekalkan hubungan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri

A I dan II

B I dan III

C II dan IV

D III dan IV

11
- Merancang belanjawan kerajaan
- Menggubal dasar-dasar kewangan

Penyataan di atas adalah di bawah bidang kuasa

**A** Kabinet
**B** Parlimen
**C** Perbendaharaan
**D** Majlis Kewangan Negara

12

| | *Jawatan* | | *Penentu Saraan* |
|---|---|---|---|
| *X* | Menteri Pelajaran | I | Jabatan Perkhidmatan Awam |
| *Y* | Ketua Pengarah | II | Kabinet |
| *Z* | Setiausaha Politik | III | Majlis Parlimen |

Yang manakah padanan yang betul antara jawatan dan penentu saraan?

| | *X* | *Y* | *Z* |
|---|---|---|---|
| **A** | I | II | III |
| **B** | III | II | I |
| **C** | I | III | II |
| **D** | III | I | II |

13.

- Menjadi pemangkin perubahan yang berani dalam penyampaian sektor awam dan swasta.
- Menyokong penyampaian dan memacu kemajuan Program Transformasi Kerajaan dan Ekonomi

Penyataan di atas merujuk kepada peranan
A Unit Perancang Ekonomi(UPE)
B Unit Penyelarasan Pelaksanaan(UPP)
C Unit Kerjasama Awam Swasta(UKAS)
D Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan(PEMANDU)

14. Yang manakah benar tentang Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri?
A Melaksanakan kuasa eksekutif negeri
B Diketuai oleh raja atau Yang Dipertua Negeri
C Jumlah keahlian adalah sama di setiap negeri
D Terdiri daripada ahli dewan Undangan Negeri

15

**Badan *X***

- Majlis Amanah Rakyat (MARA)
- Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)
- Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)

**Badan *Y***

- Institut Penyelidikan Perindustrian dan Piawaian Malaysia Berhad (SIRIM)
- Syarikat Padi dan Beras Nasional Berhad (BERNAS)
- Sistem Penerbangan Malaysia Berhad (MAS)

Badan ***X*** dan badan ***Y*** mempunyai persamaan dari segi

I kawalan
II akta penubuhan
III kepentingan kerajaan
IV penubuhan anak syarikat

A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

**Bahagian B**
[ 15 markah ]

*Jawab semua soalan*

1. Keluhuran perlembagaan merupakan prinsip ketiga dalam Rukun Negara.
   Berikan **tiga** ciri keluhuran perlembagaan. ( 4 )

   i ______________________________

   ii ______________________________

   iii ______________________________

2. Bagi melicinkan tadbir urus negara, pelbagai agensi kerajaan dan suruhanjaya telah ditubuhkan. Antara agensi kerajaan yang ditubuhkan ialah Unit Perancang Ekonomi dan antara suruhanjaya yang ditubuhkan pula ialah Surhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM).
   a. Jelaskan dua tugas Unit Perancang Ekonomi ( 2 )

   i ______________________________

   ii ______________________________

   b. Nyatakan bidang kuasa SUHAKAM ( 2 )

   i ______________________________

   ii ______________________________

3. Rajah di bawah menunjukkan usaha penyelarasan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri.




a. Nyatakan X dan fungsinya. ( 2 )

______________________________________________________________________

______________________________________________________________________

______________________________________________________________________

b. Nyatakan Y dan fungsinya ( 2 )

______________________________________________________________________

______________________________________________________________________

______________________________________________________________________

4. Huraikan **dua** kepentingan tadbir urus negara yang baik. ( 4 )

i ______________________________________________________________

______________________________________________________________

ii ______________________________________________________________

______________________________________________________________

Bahagian C

(50 markah)

*Pilih* **dua** *daripada tajuk di bawah ini, dan tulis karangan yang panjangnya antara 300 hingga 350 patah perkataan.*

1. Kenaikan harga bahan bakar seringkali dijadikan alasan sebagai punca utama kenaikan harga barang. Walau bagaimanapun terdapat situasi lain yang mempengaruhi kenaikan tersebut. Bincangkan.

2. Kerajaan Malaysia begitu serius menangani masalah jenayah yang berlaku di negara ini. Jelaskan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bagi mengatasi kegiatan ini.

3. Fenomena jerebu yang berlaku baru-baru ini adalah disebabkan oleh manusia sendiri. Akibatnya mereka yang terpaksa menanggung kesan yang memudaratkan. Bincangkan

**KERTAS SOALAN TAMAT**

Disediakan oleh:

…………………………………
(EN. HAMIDON BIN ABD.GHANI)

Disemak oleh :

…………………………………………
(PN. ZAIDA BINTI ABDUL.MANAP)

Disahkan oleh :

………………………………………
(PN. HJH FARIDAH BT MAHMOOD)